



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**

**LAPORAN BERITA MENGENAI ALEGASI PENGLIBATAN SEORANG HAKIM  
MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA DI DALAM SKANDAL 1MDB DAN SRC**

Pejabat ini merujuk kepada laporan berita mengenai alegasi penglibatan seorang Hakim Mahkamah Rayuan Malaysia di dalam skandal 1MDB dan SRC yang dilaporkan di dalam artikel disiarkan oleh Portal Malaysia Now bertajuk '*Group calling for Najib's pardon now wants judge Nazlan arrested*' dan Portal Malaysia Today bertajuk '*Shocking Revelation: Najib's Trial Judge Nazlan's Conflict-of-Interest Exposed*' bertarikh 14 Mac 2022.

Adalah dimaklumkan bahawa kenyataan yang disiarkan dalam artikel-artikel tersebut mengandungi beberapa perkara yang dipercayai akan menganggu gugat penjalanan pentadbiran keadilan jenayah dan institusi kehakiman negara ini. Berikutan itu, satu laporan polis telah dibuat oleh Pejabat ini agar siasatan dapat dijalankan di bawah seksyen 223 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, seksyen 499 Kanun Keseksaan dan lain-lain peruntukan undang-undang yang berkaitan.

Pejabat ini meminta agar orang ramai lebih berhati-hati dan tidak mengeluarkan sebarang kenyataan yang boleh menganggu penjalanan sesuatu kes yang sedang dibicarakan dan sekaligus menganggu gugat pentadbiran keadilan jenayah dan institusi kehakiman negara.

Sekian, terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

**Tarikh: 16 Mac 2022**